

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB ARTHUR JOSEPH KURUP (PENSIANGAN)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memastikan pelajar asing yang datang ke Malaysia tidak menyalahgunakan visa pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warganegara asing yang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan hendaklah mengemukakan permohonan kepada *Education Malaysia Global Services (EMGS)* yang merupakan pusat sehenti bagi pengambilan pelajar antarabangsa di Malaysia.

Sebagai mekanisme kawalan, EMGS akan membuat saringan akademik bagi memastikan calon pelajar menepati syarat kemasukan kursus selain mewajibkan pengisytiharan kesihatan. Bagi memastikan pelajar asing tidak menyalahgunakan pas pelajar seperti tinggal lebih masa dan melanggar syarat pas, institusi pendidikan yang bertanggungjawab di atas kemasukan pelajar hendaklah memantau keberadaan dan juga

SOALAN NO : 18

disiplin pelajar. Pihak Kementerian akan membatalkan kelulusan atau tidak akan mempertimbangkan pembaharuan lesen pengambilan pelajar asing bagi institusi pendidikan yang gagal memastikan keberadaan pelajar. Manakala bagi kemasukan pelajar antarabangsa ke Sabah dan Sarawak adalah melalui Jabatan Imigresen Malaysia di kedua-dua negeri tersebut.

Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa melakukan pemantauan serta operasi bersepadu secara berterusan ke atas institusi pendidikan di Malaysia. Bagi tahun 2017 sehingga 31 Julai 2019, sejumlah 235 orang pelajar telah ditangkap melalui operasi bersepadu yang dilakukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia atas kesalahan menyalahgunakan pas pelajar mereka di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Mana-mana individu yang didapati melanggar atau gagal mematuhi syarat Pas, Permit atau Pas Sempadan boleh dikenakan tindakan apabila disabitkan, hukuman penjara kepada tempoh tidak melebihi 6 bulan atau didenda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya sekali di bawah Peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963.